

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

WISS

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **45**

Bukan Babu, Bukan Ratu

Jika ada suruhan Nabi s.a.w. agar isteri dilayan bak ratu, sudah pasti yang lebih layak menerimanya itu ialah para isteri, anakanda Nabi dan isteri para sahabat. Namun jelas dalam sejarah, para wanita solehah ini tetap melakukan kerja-kerja rumah sehingga Fatimah r.ha. datang mengadu kesukarannya, lalu Nabi s.a.w. memujuk dengan memberi zikir penguat jiwa.

Andai suami sudah bermandi peluh dan keringat serta memerah minda dan fizikal untuk mencari nafkah keluarga, apa salahnya isteri membantu menyelesaikan tugas rumah tangga.

Selanjutnya di hlm. 52-53

> Ada Syurga dalam Hati

hlm. 28

> VIP yang Mendapat Naungan Allah

hlm. 12

> Pewaris al-Quran

hlm. 67

Pemimpin seperti Muhammad al-Fatih tidak selalu muncul di persada sejarah dan hanya sekali-sekala. Kemunculannya bukan secara kebetulan, tetapi diawali dan didasari oleh satu perancangan yang rapi.

MEMILIH AL-FATIH



Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

> 45



RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD

Dalam sesi ziarah ke Australia pada bulan Disember 2010 untuk menemui anakku; Khairul Azami yang sedang menyambung pengajian ijazah ke-doktorannya di sana, aku diundang untuk memberi satu ceramah di Universiti Melbourne, Australia. Peluang itu aku terima dengan baik kerana Islam sering menerima imej yang kurang baik di Barat mahupun di negara-negara yang orientasinya sama seperti Australia.

Ceramah itu dihadiri oleh pelajar Malaysia berbagai-bagai kaum dan juga masyarakat Australia sendiri. Tajuk ini dilihat amat kontroversi kerana isu pengislaman dan pelaksanaan syariah dilihat secara negatif malah kadang-kadang dikaitkan dengan pendekatan seolah-olah memutar jarum jam ke belakang dan dikaitkan juga dengan imej pelampau dan ekstremis.

Islam untuk Semua

Aku memulakan ceramah dengan memperkenalkan Islam dan memberikan konotasi universal yang sifatnya manusiawi. Perkataan "*salama*" yang menjadi kata akar bagi perkataan "Islam" membawa maksud "sejahtera". Ini bermakna Islam membawa kesejahteraan serta mendidik dan mengajak manusia supaya

Isu Islamisasi di Universiti Melbourne

mempunyai ilmu, nilai dan etika yang membawa kepada kebaikan.

Pandangan bangsa dan budaya dengan pendirian Islam itu sendiri harus dibezakan kerana Islam agama untuk semua. Allah menjadikan manusia berpasang-pasangan dan berbangsa-bangsa supaya berlaku interaksi perkenalan terhadap resam, tamadun, budaya dan cara hidup agar yang terbaik daripadanya dapat diambil dan dikongsi perbezaan manfaat daripadanya.

Kehebatan bangsa-bangsa yang menganut Islam adalah pekerti, watak dan pemikirannya agar dapat menyumbang sesuatu yang baik kepada umat manusia dan tidak terhad kepada umat Islam, tetapi untuk orang lain juga. Contohnya orang Islam dituntut untuk bercakap benar, amanah, bertindak adil dan jangan melakukan eksploitasi terhadap orang lain. Kalau ia diamalkan oleh orang

Gambar hiasan:
Aktiviti pelajar
dan umat Islam di
Australia.



Melayu umpamanya, maka ia baik untuk masyarakat di Malaysia.

Harus dapat dibezakan imej sesuatu bangsa dengan *world-view* atau pandangan semesta yang dianuti seseorang. Bangsa yang tidak dipasakkan Islam kepadanya, pandangan semestanya berbeza dengan bangsa yang telah disalurkan Islam dalam pemikiran dan keyakinannya. Islam bukan sekadar agama kepercayaan dan keyakinan, tetapi ia juga amalan dalam agama yang membawa kesan baik kepada manusia itu sendiri.

Oleh sebab itu, sejak awal kedatangan Islam lagi ia bukan milik bangsa Arab, Parsi atau Habsyah. Tetapi, ia milik sesiapa juga sama ada di Barat mahupun Timur, supaya manusia memiliki etika dan nilai yang baik untuk menjalani hidup ini. Perkara yang amat dipentingkan Islam adalah status akhlak yang tinggi supaya ia menjadi contoh kepada orang lain.

Pemikiran baru dalam masyarakat Islam adalah untuk melihat keadilan, amanah, kejujuran, keikhlasan dan kebijaksanaan yang wujud dalam sistem supaya masyarakat Islam terpelihara dan masyarakat bukan Islam juga mendapat manfaatnya. Oleh sebab itu, asas kepada model baru dalam sistem adalah kembali ke landasan syariah.

Islam sebagai Satu Cara Hidup

Islam yang dianuti oleh orang Melayu di Malaysia bermula daripada keturunan dan lebih banyak memfokuskan kepada ritual. Kesan perkembangan ilmu dan pendidikan, sebahagian besar orang Melayu mengalami perubahan dari segi tasawur atau pandangan semesta orang Melayu rentetan dakwah dan pendedahan yang berlaku.

Islam tidak hanya dilihat sebagai agama yang diwarisi, tetapi ia dilihat sebagai satu sistem kepercayaan dan juga cara hidup. Generasi baru Islam di Malaysia ingin melihat Islam berada dalam sistem. Sebahagian daripada mereka memberi kritikan terhadap sistem barat yang bersifat mekanistik tanpa roh yang hanya membentuk watak dan peribadi.

Pemikiran baru dalam masyarakat Islam adalah untuk melihat keadilan, amanah, kejujuran, keikhlasan dan kebijaksanaan yang wujud dalam sistem supaya masyarakat Islam terpelihara dan masyarakat bukan Islam juga mendapat manfaatnya. Oleh sebab itu, asas kepada model baru dalam sistem adalah kembali ke landasan syariah.

Sengaja aku lontarkan isu syariah ini supaya ia mendapat persepsi jernih daripada pendengar yang hadir kerana fahaman sesetengah orang di Malaysia bahawa syariah hanya terhubung kepada hukum hudud dan qisas. Namun, syariah dan *maqasidnya* amat luas yang berkait dengan seluruh aspek kehidupan manusia itu sendiri dan bertujuan supaya orang Islam terpelihara dalam tingkah laku dan amal perbuatannya. Bukan sahaja kepentingan orang Islam terpelihara, bahkan kepentingan orang bukan Islam juga dilindungi.

Syariat Islam melarang seseorang daripada meminum arak bertujuan menjaga kesihatan dan kewarasan akal fikiran manusia. Syariat Islam mengharamkan riba agar dapat menjaga maslahat jual beli dan perniagaan supaya tidak wujud eksploitasi atau penindasan. Syariat Islam menganjurkan umat Islam supaya bersifat amanah, adil, jujur dan ikhlas supaya rasa telus dan tulus sentiasa menjadi pedoman hidup mereka.

Faktor syariah memang sesuatu yang sensitif bagi orang barat atau masyarakat yang hidup berorientasikan barat. Isu *Islamophobia* merupakan antara sebab



Lulusan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) Universiti Malaya dan Sarjana Pendidikan Berbanding di Universiti Indiana, Bloomington, USA dan Ijazah Doktor Pendidikan di Universiti Northern Illinois, USA. Pernah menjadi pendidik, pegawai dan pensyarah, dan kini sebagai Profesor Pendidikan di Institut Pendidikan, UIAM. Dianugerah Tokoh Maulidur Rasul 2009.

PROF. DATO' DR. SIDEK BABA

umat Islam kembali kepada syariah. Dalam konteks negara Malaysia kini, pelaksanaan syariah dalam sistem perbankan, insurans atau takaful, pemakanan halal, bon atau *sukuk* diterima baik oleh masyarakat bukan Islam.

Bank Rakyat umpamanya ialah bank yang turut menjadi tumpuan orang bukan Islam. Mereka membeli saham, melabur dan meminjam darinya kerana ada dua faktor utama yang menjadi perhatian mereka iaitu kestabilan dan juga keuntungan. Ia menjadi contoh yang kukuh bahawa pelaksanaan syariah dalam sektor kewangan tidak membawa kepada kerugian atau ketidakstabilan.

Islamisasi Pendidikan di UIAM

Oleh kerana aku bekerja dalam tempoh yang lama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), maka isu pendidikan menjadi perkara yang perlu disentuh. Perubahan boleh berlaku sekiranya graduan yang lahir dari universiti berkenaan diberi orientasi didikan yang islamik. Mereka tidak diajar membenci barat kerana barat itu barat. Banyak manfaat yang boleh diperoleh dari Barat mahupun Timur. Tetapi mereka dibekalkan kewaspadaan bahawa tidak semua perkara dari barat baik untuk Islam. Harus ada kewaspadaan bahawa yang baik daripada sumber tamadun lain dimanfaatkan, manakala yang buruk daripada budaya sendiri harus ditinggalkan.

UIAM mendidik pelajarnya dengan ilmu konvensional dan juga ilmu Islam. Ilmu dari Barat dan Timur tidak ditolak selagi ia memberi manfaat kepada umat manusia. Ilmu-ilmu Islam dalam semua disiplin perlu didalami supaya proses integrasi dan islamisasi ilmu dan pendidikan dapat berlaku.

Hasilnya, pendebat-pendebat dari universiti ini mampu muncul sebagai juara dunia dan melahirkan pendebat terbaik dalam bahasa Inggeris kerana UIAM melatih pelajarnya agar bersifat kritikal, beranalisis dan mampu membahaskan sesuatu isu dengan hujah yang terbaik.

UIAM ingin menghasilkan pelajar di hampir 100 buah negara yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik di samping bahasa Arab supaya orientasi maju dalam pendidikan mampu menghasilkan peranan yang lebih luas dalam dunia persaingan pada masa depan. Di samping isu ilmu, matlamat pendidikan adalah untuk menghasilkan pembinaan peribadi holistik yang menjadikan akhlak mulia sebagai satu sifat yang amat penting.

Islam Sesuai untuk Semua Bidang

Dalam sesi soal jawab, ramai yang bangkit bertanya. Terdapat pelajar Malay-

sia dari kaum bukan Melayu dan masyarakat Australia yang berminat untuk memberi reaksi terhadap perkara yang aku lontarkan. Seorang pelajar bukan Islam dari Malaysia bertanya tentang boleh atau tidak islamisasi dalam ekonomi membawa kesejahteraan dan keadilan bagi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Aku menyatakan memang boleh. Sistem **kewangan dan ekonomi** selama ini bersifat kapitalistik, banyak melakukan eksploitasi dan ketidakadilan dalam produksi dan pasaran hingga menyebabkan golongan yang berpendapatan kecil menjadi mangsa akibat inflasi yang melampau.

Namun, sistem yang berasaskan syariah tidak membenarkan ia berlaku. Asas keadilan dan kesejahteraan manusia menjadi pertimbangan utama supaya eksploitasi terhadap pengguna dan pembeli tidak berlaku. Bank Rakyat di Malaysia adalah satu contoh yang menyediakan dividen tahunan yang tinggi dan wujudnya kestabilan.

Soalan seterusnya menyentuh isu **ilmu dan pendidikan**. Isu ini amat terasa "dekat" dengan diriku kerana aku ialah seorang pendidik. Soalan beliau, tidakkah ilmu-ilmu dari Barat itu sudah Islam kerana ia memberi manfaat kepada manusia?

Mengapa perlu integrasi ilmu dan islamisasi pendidikan?

Ilmu dan proses pendidikan dalam orientasi barat lebih banyak melahirkan manusia mekanistik. Ilmu dalam tradisi Islam bukan sekadar sesuatu yang terhasil daripada akal empiris manusia. Ia terhubung dengan pedoman dan peringatan daripada Tuhan menerusi wahyu atau al-Quran. Ini perbezaan yang sangat nyata antara orientasi liberal sekular dengan Islam. Puncak penerokaan ilmu dalam Islam adalah kebenaran dan kebijaksanaan.

Begitu juga pendidikan dalam perspektif barat tidak lebih sebagai satu proses pemindahan ilmu, maklumat dan keterampilan terhadap sasaran. Tetapi pendidikan dalam tradisi Islam melakukan transformasi terhadap watak dan peribadi. Yang amat dipentingkan dalam pendidikan Islam adalah pembangunan *rijal* atau manusia. Sekiranya manusia sudah dibangunkan akal fikiran dan akal budinya, proses internalisasi ilmu bakal memberikan kesan yang baik terhadap amalan dan perbuatan seseorang.

Seorang peserta dari Australia bertanya, bolehkah Islam menjadi **Orde Baru Dunia** (*New World Order*) pada masa depan? Secara positif aku menjawab "ya"! Asas yang aku berikan adalah pada satu ketika dahulu umat Islam memiliki tamadun besar di Andalusia dan bertahan selama hampir 700 tahun. Bangsa Eropah mendapat manfaat daripadanya manakala umat Islam harus reflektif dengannya.

Hampir semua negara Islam mempunyai sumber hasil bumi yang kaya. Sekiranya sistem pendidikan dalam negara Islam memperkukuhkan ilmu mengurus diri (ilmu naqliah) dan sekali gus menyuburkan ilmu mengurus sistem (ilmu akliah) seperti yang dilakukan oleh UIAM, corak sumber tenaga manusia pastinya berbeza.

Bayangkan 1.5 bilion umat Islam berada dalam sistem pendidikan yang integratif, corak kemampuan mengurus diri dan sistem akan menjadi terserlah. Inilah maksud islamisasi yang bakal merintis Orde Baru Dunia yang menawarkan ilmu sekali gus adab, menawarkan pendidikan sekali gus sahsiah yang baik, menawarkan sistem ekonomi sekali gus membawa keadilan serta menawarkan sistem sosial sekali gus kesejahteraan. **S**

PEMENANG

SILANG KATA SOLUSI SIRI 39

pertama

ABDUL MALIK SAID

Dengkil, Selangor

kedua

AHMAD ASSAKIR AHMAD SHUKRI

Taiping, Perak

ketiga

NURHIDAYAH SANUSI

Simpang Renggam, Kluang, Johor

saguhati

AHMAD NAZRI YAHAYA

Georgetown, Pulau Pinang

MOHD HAFIZ BERAHIM

Temerloh, Pahang

RAUNAH IBRAHIM

Bertam Jaya, Melaka

CHE IDA ROSNELI CHE OTHMAN

Ampang, Selangor

MOHD SAHARUDIN SHAKRANI

Changlun, Kedah

JAWAPAN
SILANG
KATA
SIRI 39

	G		S		G	E	L	E	B	A	R
P	E	R	J	A	K	A				E	
B		N			D	E	R	A	S		D
A		T	A	K	A					U	E
I	N	G	G	U					K	E	T
	G		N		T						U
K		J	A	G	C	A		T	I	B	I
O					U	J		O		M	
L		K			K	E		Y		A	
O	L	F	A	K	S	I	L	E	L	A	N
K		H			T	U	A	P		S	R
I	N	S	I	S	I		D				U
U	L	U	N			A					A
M		T				F	R	E	N	O	L

SYARAT DAN PERATURAN

- Penyertaan terbuka kepada semua pembaca *Solusi*, kecuali kakitangan Telaga Biru Sdn. Bhd. dan ahli keluarga terdekat.
- Peraduan ini berlangsung selama dua (2) bulan, dari 1 Julai 2012 hingga 31 Ogos 2012.
- Tarikh tutup penyertaan: **31 Ogos 2012**.
Penyertaan selepas tarikh tersebut tidak diterima.
- Penyertaan mestilah menggunakan borang asal dan pastikan diisi lengkap. Salinan fotokopi tidak diterima.
- Pemenang dikira jika menjawab **semua petak dengan betul**. Sekiranya tiada pemenang, jawapan yang hampir akan diterima sebagai pemenang.
- Sekiranya terdapat **lebih daripada seorang pemenang**, cabutan akan dibuat oleh para hakim. Keputusan hakim adalah muktamad.

■ Isikan **semua petak** dengan HURUF BESAR dengan jelas.

■ Jika terdapat kesilapan dan anda ingin mengubahnya, boleh digunakan pepadam, *liquid paper* atau sebagainya.

■ Poskan penyertaan anda ke:
Peraduan Silang Kata Solusi
Telaga Biru Sdn. Bhd.
28 Jalan Tembaga SD 5/2A
Sri Damansara Industrial Park
52200 Kuala Lumpur

■ Pemenang akan dihubungi melalui alamat pos atau melalui telefon dan/atau e-mel (jika ada disertakan alamat e-mel dan/atau no. telefon).